



# BENGKEL PENGUKUHAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)

Kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap usaha-usaha memperkenalkan inovasi dan membuat penambahbaikan terhadap perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan yang mana ianya sesuai dengan keperluan semasa dan perubahan di dalam dan luar negara. Kerajaan telah mengkaji semula peranan dan kaedah yang digunakan oleh Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) dalam penyelesaian masalah organisasi. Ia bertujuan untuk menggalakkan budaya inovatif dan kreatif serta memberi peluang kepada anggota Perkhidmatan Awam untuk menggilap kebolehan dan meningkatkan kompetensi diri. Ikutan daripada itu, KMK telah ditukar nama kepada Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK).

KIK ini tidak hanya terhad di kalangan anggota kumpulan sokongan dalam satu bahagian sahaja tetapi ia meliputi semua peringkat anggota dan boleh merentasi pelbagai bahagian dalam organisasi berkenaan. Program KIK bukan sahaja menyediakan teknik-teknik untuk menyelesaikan masalah yang wujud dalam organisasi, tetapi juga merangkumi kaedah untuk membolehkan ahli-ahli KIK bertindak secara kreatif dan inovatif bagi menghasilkan sesuatu yang baru atau dalam bentuk yang baru melalui kemahiran imaginasi yang membawa kepada peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

KIK merupakan mekanisme pengurusan yang berkesan untuk membina modal insan dalam perkhidmatan awam yang berketerampilan tinggi bagi merealisasikan aspirasi kerajaan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan agensi-agensi kerajaan dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat. Di samping itu, KIK juga mempunyai prinsip asas yang mengiktiraf pekerja sebagai sumber paling bernilai dalam organisasi dan menyediakan forum kepada mereka untuk melibatkan diri dalam proses membuat keputusan dan seterusnya melaksanakan tindakan yang diputuskan secara berpasukan.

Memandangkan peranan KIK yang amat besar khususnya dalam sektor perkhidmatan awam, adalah menjadi keperluan di Politeknik Merlimau untuk mengetahui dengan lebih mendalam berkenaan KIK, di samping teknik-teknik yang digunapakai dalam pelaksanaannya serta pendekatan terhadap kaedah yang sesuai dalam membuat pembentangan dapatan yang diperolehi. Oleh yang demikian, satu kursus pengenalan terhadap KIK telah diadakan seperti dibutiran di bawah :

**Tarikh: 17 Februari 2016 (Rabu)**

**Waktu: 8:30 pagi hingga 5 petang**

**Tempat: Bilik Seminar UPIM, PMM**

## **TENTATIF PROGRAM BENGKEL PENGUKUHAN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK)**

### **17 Februari 2016**

8.45-9.00 pagi	: Pendaftaran
9.00-10.00 pagi	: Taklimat Kumpulan Inovasi & Kreatif (KIK)
10.00-11.30 pagi	: Alat-alat KIK
11.30-1.00 tengahari	: Alat-alat dalam KIK (Penggunaan Serta Pembuktian) ----Sambungan
1.00-2.00 petang	: <i>REHAT</i>
2.00-3.45 petang	: Strategi Dokumentasi & Persembahan
3.45-5.00 petang	: Kenalpasti Kriteria Pemarkahan & Penutup.



NO.	KRITERIA	PERSEN
I	PENGENALAN	10
II	PEMILIHAN DAN DEFINISI PROJEK	10
III	ANALISIS PELUANG PENAMBAHBAIKAN	10
IV	PENYELESAIAN KREATIF & INOVATIF/PERLAKSANAAN	20
V	PENGAWASAN DAN STANDARDISASI	10
VI	PENCIPTAAN NILAI	20
VII	PERSEMBAHAN	5
JUNJAH		100

